

CELIK HURUF: LANCAR BACA

Oleh

Meimon Binti Sanai

ABSTRAK

Kajian Tindakan ini saya jalankan apabila saya mendapati Safi, salah seorang murid Tahun 2, kelas Pemulihan Khas, menghadapi masalah menguasai kemahiran asas bacaan dan menulis huruf besar di antara perkataan bagi sesetengah huruf. Beberapa tindakan telah diambil untuk membantu Safi. Pemerhatian dan bimbingan diberikan dalam tempoh dua bulan. Data kajian dianalisis dan dapatan kajian tersebut menunjukkan hasil yang memuaskan. Walau bagaimanapun, Safi masih perlu dibimbing secara berterusan. Adalah dicadangkan kajian ini diteruskan dengan penambahan dari segi penyediaan bahan bantu mengajar yang inovatif dan kreatif, serta menggunakan strategi pengajaran berpusatkan murid.

1.0 Latar Belakang Kajian

Sekolah Kebangsaan TU telah didirikan pada tahun 1966, di sebuah kampung di bandaraya Kuching. Pada masa itu, bilangan murid hanya lebih kurang 20 orang. Dari tahun ke tahun, bilangan murid sekolah ini semakin bertambah. Sekitar tahun 1999, sebuah makmal komputer sekolah telah dibina. SK TU kini mempunyai dua blok kelas pembelajaran biasa untuk Tahun 1 sehingga Tahun 6, satu blok kelas Pendidikan Khas Intergrasi (Bermasalah Pembelajaran), dan satu blok kelas Prasekolah. Kelas Pemulihan Khas juga telah disediakan dan dilengkapi dengan kemudahan.

Terdapat seramai 31 orang murid SK TU dalam kelas Pemulihan Khas dan dikendalikan oleh seorang guru pemulihan. Murid kelas Pemulihan Khas terdiri daripada murid-murid Tahun 2, Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 6. Kajian ini memberi fokus kepada seorang murid Tahun 2 kelas Pemulihan Khas yang bernama Safi (nama samaran). Berdasarkan Borang Rujukan Profil Murid, didapati Safi masih belum boleh kenal huruf, menamakan abjad, dan belum boleh membaca ayat-ayat mudah.

1.2 Fokus Kajian

Kajian ini dijalankan setelah saya mendapati Safi, salah seorang daripada 11 orang murid Tahun 2 kelas Pemulihan Khas (Bahasa Melayu) menghadapi masalah menguasai kemahiran asas bacaan. Masalah ini amat serius dan perlu dikaji supaya dapat diatasi lebih awal dan seterusnya membendung masalah ini daripada berulang kerana kemahiran membaca adalah asas dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) serta kehidupan harian. Safi menghadapi masalah mengenal suku kata dan membaca

secara lancar. Bacaan beliau juga tersekat-sekat. Di samping itu, Safi menghadapi masalah menulis huruf besar di tengah-tengah perkataan. Ini merupakan dapatan berdasarkan ujian diagnostic (bertulis) yang telah dijalankan.

1.3 Objektif Kajian

Ekoran daripada tinjauan awal tersebut, kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- memastikan murid boleh mengenal huruf, dan mengeja dengan baik.
- mempertingkatkan kemahiran membaca dan menulis.
- mengurangkan kesilapan murid menulis huruf besar ke tahap yang paling maksimum.
- menambah baik amalan sendiri dari segi p&p pemulihan.

2.0 Tindakan dalam Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan, ayat dan petikan mudah melalui sebutan suku kata KV, KVKV dan KVKVKV. Di samping itu, tujuannya adalah untuk mengurangkan kesilapan menulis huruf besar di tengah-tengah perkataan oleh Safi. Bagi mencapai objektif kajian, satu aktiviti bimbingan individu secara intensif dirancang bagi tempoh lapan minggu. Setiap kali waktu kelas pemulihan khas Bahasa Melayu, 5 hingga 10 minit diperuntukkan bersama Safi. Aktiviti ini dilaksanakan selepas murid menyiapkan lembaran kerjanya. Bahan bantu mengajar (BBM) sangat membantu dalam menjayakan kajian tindakan ini.

3.0 Pelaksanaan Kajian

Tinjauan Masalah

Perkara-perkara yang ditinjau:

- Ingatan murid terhadap huruf abjad dan vokal.
- Sikap murid yang mudah lupa dan bersikap negatif.
- Kesesuaian bahan bantu p&p.

Pelaksanaan Program

- Program ini dijalankan dalam tempoh 8 minggu (22 Jun- 21 Ogos 2009).
- Teknik yang digunakan ialah TEKNIK BACAAN PANTAS menggunakan Buku Selan Osni, dijalankan secara latih tubi.
- Latihan berpusat kepada murid dan berfokus kepada dua aspek utama iaitu mengenali huruf abjad dan bunyi.

Tindakan Yang Dijalankan

- Menjalankan pemerhatian terhadap tingkah laku murid semasa sesi p&p.

- Memastikan kesesuaian bahan bantu p&p dengan segala aktiviti yang disediakan dalam Rancangan Pengajaran Harian.

Pemerhatian

- Pemerhatian terhadap aktiviti p&p dalam kelas Pemulihan Khas. Setiap perubahan murid dicatat bagi memastikan setakat mana penguasaan mereka dalam sesuatu kemahiran yang telah guru ajarkan.
- Masalah yang dihadapi oleh murid diperhatikan melalui latihan dan lembaran kerja secara lisan dan bertulis, semakan lembaran kerja dan penentuan penguasaan suku kata KV, KVKV dan KVKVKV.


Setelah mengenal pasti peserta kajian, aktiviti pertama yang dilaksanakan ialah menggunakan latih tubi suku kata dan bacaan. Setiap sesi dijalankan semasa murid lain menyiapkan tugas. Sesi ini mengambil masa 5 hingga 10 minit. Kad suku kata vokal dan konsonan disediakan untuk dibaca secara latih tubi. Ini mula dilakukan dalam minggu kedua. Contohnya adalah seperti yang berikut.

ba, bi, be, be, bo, bu
ca, ci, ce, ce, co, cu
da, di, de, de, do, du
ka, ki, ke, ke, ko, ku
ma, mi, me, me, mo, mu
ta, ti, te, te, to, tu

Proses ini berterusan selama dua minggu dan pada akhir minggu ketiga, satu penilaian diadakan. Safi didapati sudah dapat membaca dan membunyikan suku kata tersebut. Pada minggu seterusnya iaitu minggu keempat, saya mula mengajar dan melatih membunyikan suku kata yang telah dicantumkan. Contohnya adalah seperti berikut.

bubu buku kuku foto

Latih tubi dijalankan selama 5 hingga 10 minit setiap masa aktiviti p&p dalam kelas Pemulihan Khas. Bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan adalah kad suku kata KV yang dicantumkan dengan warna yang berbeza seperti berikut.



Setelah dua minggu Safi menjalani latih tubi kemahiran suku kata KV, beliau diajar pula cara menulis yang betul. Ini kerana Safi diperhatikan ada kecenderungan mempunyai masalah disleksia. Beliau melakukan kesilapan

semasa membaca huruf atau perkataan (bacaan terbalik). Contohnya adalah seperti berikut.

'dada' menjadi **'adad'**


'b' dengan **'d'**

Keadaan ini dikesan pada minggu ketiga. Oleh yang demikian, perbincangan dengan guru pembimbing diadakan untuk mendapatkan pandangan tindakan yang patut dilaksanakan bagi Safi yang berkemungkinan mengalami masalah disleksia.


Safi diajar cara menulis huruf yang betul, bermula:

- dari kanan : **d, g, s**
- dari kiri : **r, p, i, j**
- dari atas : **l, h, b, k, t, f**
- dari tengah : **e**
- huruf bertiang (berdiri) : **b, d, f, h, l, k, t**
- huruf berkaki (berekor) : **g, j, p, q, y**

Kadang kala, cara menulis ini diajar secara spontan semasa aktiviti p&p sedang berlangsung. Cara menulis Safi diperbetulkan di papan tulis agar beliau dapat memperbaiki tulisan dan rakan-rakan yang lain juga turut sama-sama mempelajari cara menulis yang betul. Proses penulisan yang betul ini berlangsung secara berterusan daripada minggu pertama sehingga minggu akhir kajian tindakan ini secara langsung ataupun tidak langsung.




Tulisan guru sebagai bimbingan



Murid menulis semula perkataan




Hasil tulisan murid



Tulisan murid diperbetulkan






Murid sedang menulis perkataan kuku



Hasil tulisan murid


Selain itu, Safi diminta melatih menulis pada lembaran kerja seperti yang ditunjukkan berikut.:

		
ibu	ubi	l si
ibu		

Pada minggu ketujuh dan lapan, saya memperluaskan kemahiran membaca Safi dari segi kemahiran menyambung suku kata KV menjadi KVVKV. Contohnya adalah seperti berikut.

ke re ta pe ra hu

Kemahiran KVKVKV ini diajar terlebih dahulu kepada Safi berbanding murid-murid yang lain yang hanya diajar kemahiran tersebut pada minggu kesepuluh tempoh praktikum. Lembaran kerja diberikan sebagai tugas atau kerja rumah. Beberapa contoh telah ditunjukkan supaya Safi dapat menyelesaikan tugas tersebut. Tiga hari diperuntukkan kepada Safi untuk menyiapkan tugas tersebut. Contoh,



Pada minggu ketujuh dan kelapan juga, saya melaksanakan proses membaca ayat pendek yakni suku kata diwarnakan dengan dua warna. Proses ini dilakukan apabila Safi telah dapat menyebut dan membunyikan suku kata dengan betul. Proses ini berterusan dan diulang sehingga Safi dapat mengenal dan membunyikan secara spontan tanpa tersekat-sekat. Saya telah menggunakan Buku Selan Osni: Program Celik Huruf dan Pemulihan sebagai panduan. Contoh bacaan ayat pendek adalah seperti berikut.

I ni ada satu lori.
Lori ini baru tiba.
Lori ini bawa gula.
Velu bawa lori ini.
Lori ini bawa apa?

Bacaan ayat pendek juga sebenarnya secara tidak langsung diajar semasa minggu pertama praktikum. Diperhatikan bahawa Safi dapat membaca dan membunyikan suku kata dan membaca ayat dan cerita pendek dua suku kata.

4.0 Dapatan Kajian

Berdasarkan ujian pencapaian dan lembaran kerja yang diberikan sama ada di dalam kelas atau di rumah kepada Safi, didapati bahawa beliau menunjukkan prestasi kemahiran membaca yang sangat baik. Safi dapat membaca perkataan dan ayat dengan lancar tanpa perlu mengeja huruf satu-persatu. Hasil kajian ini sangat memberangsangkan. Safi juga dapat membaca dengan pantas tanpa tersekat-sekat bahkan dapat mengeja

perkataan baharu dengan betul apabila saya secara spontan menyebut perkataan baharu tersebut.

Justeru itu, p&p di kelas perlu dipertingkatkan mengikut kebolehan murid agar mereka yang lambat tidak ketinggalan dan terus tertinggal. Murid yang selama ini dianggap sebagai beban dan menyusahkan guru sebenarnya boleh dipulihkan dan seperti murid yang lain juga dapat membaca. Mereka hanya memerlukan jangka masa yang panjang dan perhatian khusus.

Melalui pemerhatian juga sepanjang tempoh praktikum, Safi membaca BBM yang dipaparkan di dinding kelas dan menguji rakan yang lain dengan mengeja perkataan-perkataan tertentu pada masa yang terluang. Dengan itu, didapati bahawa bahan bantu mengajar (BBM) amat berguna dalam membantu Safi menguasai kemahiran membaca. Keberkesanan penggunaan BBM dalam proses peningkatan penguasaan kemahiran membaca ini membantu meningkatkan minat Safi untuk terus mengikuti p&p.

Selain itu, aktiviti bermain yang diselitkan dalam Langkah 2 atau Langkah 3 dalam pelaksanaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), turut membantu meningkatkan kemahiran membaca. Didapati bahawa apabila aktiviti bermain diselitkan, Safi menjadi lebih berminat mengikuti p&p berkaitan kemahiran asas membaca. Aktiviti bermain ini mampu menambah minat serta mendapati pengajaran guru amat menyeronokkan. Penggunaan BBM tidak dapat dinafikan berjaya mempertingkatkan penguasaan asas bacaan murid pemulihan seperti Safi. Peningkatan prestasi yang ditunjukkan oleh Safi jelas bertepatan dengan pendapat Abdul Rahman Abdul Rashid (1995) bahawa penggunaan BBM yang sesuai dan menarik dalam proses pengajaran asas bacaan dalam kelas pemulihan adalah penting kerana ia dapat mempertingkatkan kejayaan pembelajaran, lebih-labih lagi untuk mata pelajaran pengajaran Bahasa Melayu. Berikut adalah beberapa contoh BBM yang dihasilkan untuk pelaksanaan p&p bagi Safi.



Kad Gambar dan Perkataan



Permainan Lontar dan Susun



Papan Flanel

Penggunaan BBM secara berkesan dan berterusan sememangnya mendatangkan faedah kepada guru dan murid. Seseorang guru yang proaktif ialah guru yang sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi muridnya untuk mempelajari sesuatu kemahiran bacaan dengan berkesan, yakni, menitikberatkan penggunaan BBM sebagai landasan utama bagi mencapai hasrat tersebut.

Pelaksanaan kaedah mengikut isi pelajaran yang telah ditetapkan dapat memberi kebaikan kepada tiga pihak iaitu murid, pihak guru dan pihak sekolah. Kebaikan-kebaikannya adalah seperti berikut.

- 1) Kebaikan kepada murid
 - i. Murid dapat membaca dengan lancar
 - ii. Murid tidak membuang masa dan dapat mengikuti pembelajaran dalam kelas
- 2) Kebaikan kepada pihak guru
 - i. Kepuasan hati guru kerana pencapaian murid meningkat.
 - ii. Amat mudah bagi guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran di kelas.
- 3) Kebaikan kepada pihak sekolah
 - i. Masalah buta 3M dapat diatasi.
 - ii. Kos menjalankan operasi adalah rendah.

Rekod pegasanan pencapaian asas bacaan telah dibuat dan diperolehi dari fail Rancangan Pengajaran Individu murid. Untuk menganalisis prestasi pencapaian Safi, beberapa ujian penilaian telah dilaksanakan, iaitu, sebelum kajian tindakan, Ujian Diagnostik (Bertulis) dilaksanakan pada 29 Jun 2009 manakala selepas kajian tindakan, Ujian Pencapaian Bahasa Melayu dilaksanakan pada 10 Ogos 2008. Ujian Diagnostik (Praktik) dijalankan pada 14 Ogos 2009. Ujian-ujian ini diadakan untuk mengukur tahap penguasaan murid kemahiran asas bacaan. Jadual 1 menunjukkan perbandingan prestasi pencapaian Safi sebelum dan selepas kajian tindakan.

Jadual 1: Perbandingan Prestasi Pencapaian Safi Sebelum dan Selepas Kajian Tindakan

SEBELUM KAJIAN TINDAKAN		SELEPAS KAJIAN TINDAKAN		CATATAN
Ujian Diagnostik (Bertulis)	Ujian Diagnostik (Bertulis) Markah	Ujian Pencapaian BM Markah	Ujian Diagnostik (Praktik) Markah	
Huruf kecil	26/26	10/10	5/5	SM
Huruf besar	22/26	8/10	5/5	SM
Suku kata vokal	6/6	20/20 10/10	6/6 6/6	SM
Suku kata KV	4/5	10/10	5/5 5/5	SM
Perkataan KV+KV	4/5	8/10	5/5 5/5	SM
Perkataan KV+KV+KV	2/5	TD	5/5 5/5	SM
Perkataan dua suku kata V+KV	3/5	TD	5/5 5/5	SM
Perkataan KVK	4/5	13/14 14/14	5/5 5/5	SM
Suku Kata KVK	2/5	TD	5/5	SM
Perkataan V+KVK	4/5	8/8	5/5	SM
Perkataan KV+KVK	1/5	TD	TD	
Perkataan KVK+KV	2/5	TD	TD	
Perkataan KVK+KVK	1/5	TD	TD	
Perkataan KV+KV+KVK	4/5	TD	TD	
Perkataan KVK+KV+KVK	2/5	TD	TD	
Perkataan KVKK	3/5	TD	TD	
Suku kata KVKK	1/5	TD	TD	
Perkataan KV+KVKK	1/4	TD	TD	
Perkataan V+KVKK	2/5	TD	TD	
Perkataan KVK+KVKK	1/5	TD	TD	
Perkataan KVKK+KV	2/5	TD	TD	
Perkataan KVKK+KVK	2/5	TD	TD	
Perkataan KVKK+KVKK	1/5	TD	TD	
Perkataan KV+KV+KVKK	3/5	TD	TD	
Perkataan KV+KVK+KVKK	2/5	TD	TD	
Perkataan KVK+KV+KVKK	0	TD	TD	

Perkataan KVKK+KV+KVK	0	TD	TD	
Perkataan KV+KVKK+KVK	0	TD	TD	
Perkataan yang melibatkan diftong dan vokal berganding	1/5	TD	TD	
Perkataan yang melibatkan huruf konsonan bergabung (digraf)	0/5 1/5	TD	TD	
Ayat mudah	TD	TD	5/5 5/5	SM

Petunjuk:

TD = Tidak Diuji; BM = Belum Menguasai; SM = Sudah Menguasai

5.0 Refleksi Kajian

Tindakan pelaksanaan Program Celik 3M - Lancar Baca ini memberi bimbingan khusus kepada individu didapati berkesan walaupun ia memerlukan komitmen dan perancangan mengajar mengikut darjah penguasaan murid. Program ini dapat membuatkan Safi menunjukkan minat untuk membaiki diri apabila diberi tumpuan khusus dan bimbingan yang lebih daripada biasa. Perubahan cara mengajar yang lebih kepada cara latih tubi berkesan dan konsisten dapat menolong Safi untuk menguasai kemahiran membaca. Di samping itu, penggunaan BBM juga memberi kesan dari segi menimbulkan minat Safi untuk membaca.

Berdasarkan kajian tindakan ini, saya dapat merancang dan mengubah suai bahan pengajaran seperti lembaran kerja, mempelbagai aktiviti lisan dan pengukuhan berdasarkan kelemahan Safi. Justeru, guru perlu sentiasa inovatif dan kreatif. Guru juga perlu sentiasa peka terhadap perlakuan anak murid dalam sesi pengajaran seperti mengantuk, berbual-bual ketika guru mengajar, bergaduh dan sebagainya. Selain itu, seorang guru perlu bersikap positif kerana ibu bapa memberi tanggungjawab kepada kita untuk mengajar anak mereka membaca.

Keseluruhannya, terdapat perubahan yang ketara perlakuan saya dan Safi. Saya lebih prihatin terhadap masalah pembelajaran murid seperti Safi serta berusaha meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran. Safi pula menunjukkan minat untuk memperbaiki diri.

Suatu kepuasan wujud apabila saya dapat membimbing Safi yang tidak boleh membaca pada awalnya sehingga dapat membaca. Harapan saya ialah kaedah ini dapat saya gunakan dalam kelas pemulihan dan juga dalam kelas biasa bagi setiap sesi pengajaran saya. Saya akan teruskan kajian saya dengan meneruskan program ini apabila ditempatkan di mana-mana sekolah tempat saya akan mengajar.

6.0 Cadangan

Saya bercadang untuk meneruskan program Celik 3M ini di sekolah tempat saya akan mengajar kelak kerana program ini sesuai dilaksanakan lebih awal terutamanya bagi murid yang buta huruf sejak di Tahun Satu lagi. Guru harus membuat perancangan yang teliti dan memberi penekanan kepada teknik latih tubi beserta BBM yang sesuai untuk mengukuhkan ingatan murid. Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992) menyatakan bahawa, oleh kerana guru pemulihan ditugaskan untuk membantu murid lambat dalam penguasaan 3M, maka adalah lebih baik jika mereka didedahkan kepada konsep dan amalan yang terbaru dalam pemulihan kesukaran asas membaca melalui penggunaan teknologi pendidikan yang terkini bersesuaian dengan tahap perkembangan murid pemulihan. Ini mungkin boleh saya gunakan untuk membantu anak murid saya kelak.

Bibliografi

- Abdul Rahman Rashid. (1995). Kepentingan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa, *Jurnal Teknologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chua Tee Tee & Koh Boh Boon. (1992). *Pendidikan Khas dan Pemulihan: Bacaan asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Abu Bakar Syed Akil. (1997). *Bimbingan Khas: Perkhidmatan Pendidikan Pemulihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.